

Mahkamah Syariah tingkat proses wawancara anak dalam kes pertikaian penjagaan

► IRMA KAMARUDIN
irmak@sph.com.sg

Satu proses dipertingkatkan bagi mewawancara anak-anak yang penjagaannya dipertikaikan sedang ibu bapa mereka menjalani proses perceraian telah dilaksanakan Mahkamah Syariah sejak September 2022 demi memastikan hak dan kebajikan anak-anak dilindungi dan dibela.

Dipanggil Wawancara Anak Bersama (atau Joint Child Interview), proses itu bertujuan untuk lebih memahami cabaran yang dihadapi anak-anak serta keprihatinan dan keutamaan mereka secara menyeluruh melalui wawancara yang dikendalikan bersama oleh presiden Mahkamah Syariah dan ketua kaunselor mahkamah.

Proses itu bagaimanapun bukanlah untuk meletakkan anak-anak dalam situasi di mana mereka perlu memilih dan membuat keputusan sama ada mahu tinggal bersama ibu atau bapa, kata presiden kanan Mahkamah Syariah, Cik Guy Ghazali.

"Kami tidak boleh letakkan anak-anak dalam situasi di mana mereka perlu memilih antara ibu atau bapa.

"Oleh itu, penting bagi kami mempunyai kaunselor mahkamah dengan latar belakang dalam sains sosial untuk mengendalikan wawancara bersama presiden mahkamah kerana mereka mempunyai kepakaran tentang soalan-soalan yang perlu ditanyakan kepada anak-anak, mengenal pasti hubungan anak-anak dengan ibu dan bapa, kegiatan harian mereka dan sebagainya.

"Bagi presiden mahkamah, berdasarkan pemerhatian semasa wawancara itu, kami akan menilai pelbagai perkara sebelum mencapai keputusan tentang hak penjagaan dan tempat tinggal anak itu. Oleh itu, kami perlu memahami keadaan, situasi, emosi dan hubungan anak dengan ibu dan bapa, secara menyeluruh," kata beliau.

Dari September 2022 hingga Julai 2023, seramai 70 kanak-kanak telah melalui proses Wawancara Anak Bersama itu.

Mahkamah Syariah telah melantik kaunselor mahkamah yang pertama pada 1 Julai 2022, Cik Nur Izzah Amir, yang mempunyai pengalaman selama dua dekad sebagai kaunselor mahkamah di Mahkamah Keadilan Keluarga.

Cik Nur Izzah juga merupakan ketua kaunselor mahkamah di Mahkamah Syariah ketika ini.

Sejak dilantik, beliau telah menerajui usaha melaksanakan sebuah rangka kerja kaunseling mahkamah dalam proses perceraian mulai September 2022, yang bertujuan mempertingkatkan langkah mengutamakan kepentingan anak-anak dalam proses mahkamah.

Sebagai sebahagian daripada rangka kerja tersebut, wawancara bersama kanak-kanak berusia tujuh tahun ke atas yang dahulunya dikendalikan oleh presiden mahkamah seorang diri kini dikendalikan bersama dengan ketua kaunselor mahkamah.

Berkongsi butiran lanjut, Cik Nur Izzah berkata tidak semua anak-anak yang penjagaannya mereka dipertikaikan perlu melalui proses wawancara ini dan terdapat kriteria ketat dalam menentukan sama ada seorang anak itu sesuai bagi menjalani proses tersebut.

Misalnya, mahkamah melihat kesesuaian usia dan sama ada ia seorang kanak-kanak yang berkeperluan khas.

"Anak yang perlu melalui proses wawancara ini perlu datang ke mahkamah, dan kami tidak mahu seorang anak berkeperluan khas itu, misalnya, untuk datang ke mahkamah kerana ia bukan persekitaran yang terbaik dan selesa untuknya," kata beliau.

Memberi contoh kes seorang anak yang penjagaannya dipertikaikan, Cik Nur Izzah berkongsi tentang seorang remaja yang menyatakan hasrat enggan tinggal bersama bapanya kerana mahu kebebasan dan tidak ingin dibebani tanggungjawab menjaga adik-beradik yang kecil.

Ini dikenali sebagai sindrom keibu-bapaan, atau *parentification*, di mana seorang anak itu diharap menyediakan sokongan emosi atau praktikal untuk seorang ibu atau bapa dan adik-beradik mereka sedangkan mereka memertukan sokongan itu sendiri.

"Jadi, dalam kes ini, hubungan remaja itu dengan bapanya kelihatan baik. Tetapi dia didapati tidak mahu tinggal bersama bapanya kerana takut perlu menjaga adik-beradiknya dan tidak akan mempunyai kebebasan untuk melakukan hobi lain dan keluar bersama rakan-rakan.

"Untuk kes ini, kami melakukan sesi Wawancara Anak Bersama untuk lebih memahami keadaan anak ini," kata Cik Nur Izzah.

Proses wawancara itu dijalankan daripada beberapa kaedah di mana kebajikan anak-anak dilindungi di mahkamah, tambah Cik Nur Izzah.

Mahkamah Syariah boleh memanfaatkan pelbagai kaedah keadilan dan merujuk kes kepada program campur tangan untuk memastikan keputusan selepas itu bapa bercerai adalah demi kepentingan terbaik anak-anak.

Ini seperti Laporan Penilaian Hak Penjagaan, lawatan dan pertukaran diselia, kaunseling dan Program Kanak-Kanak Dalam Perantaraan (*Children-in-Between*).

Laporan Penilaian Hak Penjagaan, contohnya, merupakan laporan penilaian penuh oleh pakar psikologi yang menilai tentang kepercayaan ibu dan bapa untuk menjaga anak-anak selepas bercerai.

Menurut perangkaan Jabatan Statistik (DOS), terdapat 1,505 pasangan Islam yang bercerai pada 2022. Daripada bilangan perceraian itu, 823 daripadanya mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berusia bawah 21 tahun.

Namun, Cik Guy berkata data tersebut hanya merangkumi jumlah anak-anak di bawah usia 21 tahun ketika perceraian didaftarkan di mahkamah setelah proses perceraian selesai.

Ini tidak termasuk jumlah anak-anak yang sudah menjangkau usia 21 tahun tetapi telah terjerjes oleh pertikaian ibu bapa yang berlaku semasa mereka belum dewasa.

Perangkaan itu juga tidak termasuk anak-anak daripada keluarga 'campuran' (*blended*) - menjujuk kepada keluarga yang terbentuk apabila dua individu berkahwin dan masing-masing membawa anak daripada perkahwinan masa lalu.

Cik Guy berkata impak perceraian bukan sahaja melibatkan individu yang terlibat tetapi juga kompak sosial Singapura pada masa hadapan.

"Disebabkan inilah, adalah penting untuk kita memastikan kebajikan anak-anak terus terpelihara walaupun kedua-dua ibu bapa mereka terpaksa berpisah," kata beliau.



MELINDUNGI ANAK-ANAK: Sebagai sebahagian rangka kerja kaunseling Mahkamah Syariah, proses mewawancara anak-anak berusia tujuh tahun ke atas yang penjagaannya dipertikaikan sedang ibu bapa mereka menjalani proses perceraian telah dipertingkatkan sejak September 2022. Wawancara itu dahulunya dikendalikan oleh presiden mahkamah seorang diri, tetapi kini dikendalikan bersama ketua kaunselor mahkamah. - Foto fail



BELA KANAK-KANAK: Cik Nur Izzah Amir dilantik sebagai ketua kaunselor mahkamah di Mahkamah Syariah pada 1 Julai 2022. Berbekalkan pengalamannya selama dua dekad di Mahkamah Keadilan Keluarga, beliau kini membantu Mahkamah Syariah mempertingkatkan langkah mengutamakan kepentingan anak-anak yang terlibat dalam proses perceraian ibu bapa. - Foto BM oleh NUR DIYANA TAHA

Memastikan hak anak-anak dibela dan terjaga, serta atur penjagaan adalah demi kepentingan terbaik mereka.

Inilah misi Cik Nur Izzah Amir selaku ketua kaunselor mahkamah yang pertama di Mahkamah Syariah supaya anak-anak yang ibu bapa mereka sedang melalui perceraian diberi peluang bagi suara mereka didengar dan kebajikan mereka dilindungi dengan baik.

Berbekalkan pengalamannya selama dua dekad menangani kes pertikaian berhubung perceraian dan hak penjagaan, keganasan keluarga, kesalahan remaja dan penganiayaan kanak-kanak di Mahkamah Keadilan Keluarga, Cik Nur Izzah kini bertugas di Mahkamah Syariah pula untuk membantu mereka mempertingkatkan langkah mengutamakan kepentingan anak-anak yang terlibat dalam proses perceraian ibu bapa.

Beliau dilantik sebagai ketua kaunselor mahkamah di mahkamah tersebut pada 1 Julai 2022.

Dipandu Cik Nur Izzah, Mahkamah Syariah melaksanakan sebuah rangka kerja kaunseling mahkamah dalam proses perceraian sejak September 2022 demi memastikan kebajikan anak-anak terjaga.

"Jika pasangan sudah membuat keputusan untuk bercerai, usaha kami adalah untuk memastikan proses mahkamah itu memelihara hubungan ibu bapa dengan anak-anak dan bahawa proses itu tidak menjadikan keadaan lebih buruk untuk anak-anak.

"Kami buat yang terbaik. Kajian menunjukkan perceraian mempunyai banyak kesan negatif ke atas anak-anak. Oleh itu, bagaimanakah boleh kita mengurangkan impaknya? Di sinilah rangka kerja kaunseling mahkamah dapat membantu," jelas beliau.

Di bawah rangka kerja itu, Mahkamah Syariah bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang membantu kanak-kanak supaya khidmat dan program dapat disediakan demi kebajikan mereka.

Ini supaya anak-anak "tidak perlu berkongsi cerita mereka berulang kali" dan melalui trauma yang dialami akibat perceraian ibu bapa mereka.

Sebagai sebahagian tugasnya, Cik Nur Izzah berkongsi bahawa Mahkamah Syariah telah mempertingkatkan proses sesi wawancara bersama kanak-kanak berusia tujuh tahun ke atas yang dahulunya dikendalikan oleh presiden mahkamah seorang diri, tetapi kini dikendalikan dengan ketua kaunselor mahkamah, yang dipanggil Wawancara Anak Bersama (*Joint Child Interview*).

"Sebahagian anak-anak ini telah mengalami tekanan emosi dan mental akibat konflik ibu bapa selama bertahun-tahun lamanya. Di mahkamah, hakim mendengar luahan ibu bapa melalui affidavit, peguam dan sebagainya. Tetapi, anak-anak tiada peguam. Oleh itu, saya berharap ibu bapa akan lebih sedar tentang impak kebajikan anak-anak apabila mereka membuat keputusan untuk bercerai."

- Cik Nur Izzah Amir ketua kaunselor mahkamah di Mahkamah Syariah.

Di bawah proses itu, beliau mengendalikan wawancara dengan anak-anak yang terjerjes dengan kes perceraian yang dipertikaikan bersama presiden mahkamah Syariah.

Proses wawancara itu bertujuan untuk lebih memahami cabaran yang dihadapi anak-anak serta keprihatinan dan keutamaan mereka secara menyeluruh supaya keputusan yang baik dapat dicapai berkenaan dengan sunan tempat tinggal mereka, sama ada bersama ibu atau bapa atau kedua-duanya dalam konteks penjagaan bersama.

Wawancara itu dikendalikan bersama oleh kaunselor dan presiden mahkamah berbanding seorang hakim sahaja kerana kaunselor mempunyai kepakaran psikologi kanak-kanak dan pengetahuan mengenai tahap berbeza penguasaan anak-anak.

"Pemahaman seorang anak berusia lima tahun tentang perceraian berbeza dengan remaja berusia 15 tahun. Contohnya, seorang remaja itu rasa tertekan dengan masalah yang dihadapi ibu bapanya dan mungkin menjadi tempat mengadu ibunya. Jadi, pandangannya tentang perceraian lain dengan anak kecil.

"Perkara terakhir yang kami mahu adalah untuk mereka memilih. Mereka mempunyai hak kepada kedua-dua ibu bapa. Itulah mesej yang ingin kami sampaikan," kata beliau.

Selain proses wawancara itu, Mahkamah Syariah boleh memanfaatkan pelbagai kaedah keadilan dan merujuk kes kepada program campur tangan untuk memastikan keputusan selepas itu bapa bercerai adalah demi kepentingan terbaik anak-anak.

Ini termasuk Laporan Penilaian Hak Penjagaan, lawatan dan pertukaran diselia, kaunseling dan Program Kanak-Kanak Dalam Perantaraan (*Children-in-Between*).

Peranan Cik Nur Izzah termasuk bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSP) dan agensi-agensi sosial demi memastikan kaedah keadilan, rujukan atau campur tangan yang pelbagai itu dapat dijalankan dengan lancar dan mereka dapat lebih memahami masalah yang dialami anak-anak.

Cik Nur Izzah berkata terdapat keprihatinan besar tentang tekanan yang dihadapi anak-anak dalam proses perceraian dan tidak semua ibu bapa tahu tentang bantuan ataupun campur tangan yang sedia ada untuk anak-anak mereka.

Bahkan, ada anak-anak yang menyembunyikan perasaan bimbang, sedih, marah atau tertekan daripada ibu bapa dan terdapat juga anak yang berisiko mencederakan diri mereka sendiri dek cabaran emosi dan mental yang dialami.

"Sebahagian anak-anak ini telah mengalami tekanan emosi dan mental akibat konflik ibu bapa selama bertahun-tahun lamanya. Di mahkamah, hakim mendengar luahan ibu bapa melalui affidavit, peguam dan sebagainya.

"Tetapi, anak-anak tiada peguam. Oleh itu, saya berharap ibu bapa akan lebih sedar tentang impak kebajikan anak-anak apabila mereka membuat keputusan untuk bercerai," kata beliau.

Dengan rangka kerja kaunseling mahkamah yang dilaksanakan tahun lalu, Cik Nur Izzah berharap bantuan yang diturunkan kepada anak-anak ini lebih tertumpu dan disesuaikan mengikut keperluan mereka.

"Kami akan melancarkan lebih banyak program pada masa depan. Insya-Allah. Apabila sedia nanti, kami akan berkongsi lebih lanjut dengan orang ramai tentang bagaimana kami boleh membantu, terutama dari segi mengutamakan kepentingan anak-anak dalam melicahara kebajikan anak-anak," kata beliau.